

**Media Prima minta NSTP nyahsenarai
Malaysiakini.com
April 27, 2010**

The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) menerima cadangan daripada Media Prima Bhd, memintanya untuk melaksanakan nyahsenarai.

Media Prima kini memegang 89.62 peratus kepentingan ekuiti dalam NSTP dan sehubungan itu, NSTP tidak dapat mematuhi keperluan pemegang saham tebaran awam di bawah syarat-syarat penyenaraian Bursa Securities.

Dalam satu kenyataannya kepada Bursa Malaysia hari ini, NSTP berkata bagi memudahkan cadangan nyahsenarai itu, Media Prima akan menawarkan cadangan tawaran keluar kepada pemegang saham NSTP.

Di bawah tawaran itu, Media Prima mencadang membeli saham mereka pada harga RM2.40 setiap satu.

Ia berkata cadangan nyahsenarai dan cadangan tawaran keluar itu dijangka selesai pada suku ketiga tahun ini.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/130376>